

10 OCT 2001

Amerika-Pengganas

MALAYSIA, INDONESIA DAN FILIPINA SASARAN SETERUSNYA?

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 10 Okt (Bernama) -- Rangkaian Osama bin Laden di Filipina, Indonesia dan Malaysia mungkin menjadi sasaran seterusnya secara terang dan berselindung dalam perang menentang keganasan yang dilancarkan oleh Amerika Syarikat, demikian laporan akhbar New York Times (NYT) Rabu.

Akhbar NYT memetik jurucakap AS berkata bahawa kempen terhadap kumpulan yang mempunyai kaitan dengan bin Laden dan rangkaian Al-Qaeda adalah secara global dan mungkin mengambil masa beberapa tahun.

"Tetapi mereka mengatakan kumpulan-kumpulan di Asia Timur telah berkembang operasinya sejak beberapa tahun lalu, bertukar kewangan, anggota, bahan dan pengalaman dengan pertubuhan bin Laden dan sekutunya, dan ini mengancam keselamatan institusi Amerika di luar negara," lapor NYT.

"Usaha telah dilakukan oleh bin Laden dan orang-orangnya untuk mengembangkan kegiatan di Asia Timur, bukan sahaja di Filipina tetapi di Malaysia dan Indonesia," pegawai AS itu dipetik sebagai berkata.

"Filipina telah menjadi pusat operasi utama, dan ia sesuatu yang serius. Mereka yang mempunyai kaitan dengan bin Laden bukan sahaja berada di Manila tetapi di tempat lain di Filipina," kata pegawai itu.

Duta Besar AS ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, John D. Negroponte memberitahu Majlis Keselamatan Isnin lalu bahawa AS dalam usaha mempertahankan diri selepas serangan pada 11 Sept lalu mungkin mengambil "tindakan selanjutnya ke atas pertubuhan dan negara lain."

Negroponte tidak menamakan mana-mana kumpulan tetapi para pegawai berkata perang menentang pengganas tidak terhad di Afghanistan sahaja.

"Asia Timur terutama Filipina adalah kawasan di mana pengganas yang telah bertindak ke atas AS sebelum ini dan diketahui membuat perancangan serangan mereka,"

Pertubuhan militan di Asia Timur - utamanya kumpulan Abu Sayyaf yang bertapak di Filipina - adalah dalam senarai atas kumpulan pengganas yang akan dikenakan tindakan, kata para pegawai itu.

Sejak serangan di Washington dan New York, pegawai perisikan Filipina telah menahan dua orang yang disyaki pegawai pemerintah Abu Sayyaf dan beberapa lelaki rakyat asing yang dikatakan membawa bom.

Malaysia pula telah menahan beberapa orang termasuk anggota parti pembangkang kerana menganggotai Kumpulan Militan Malaysia (KMM) manakala Indonesia juga telah menahan seorang rakyat Malaysia kerana disyaki terlibat dengan pengeboman sebuah pasaraya.

Di Indonesia, sebuah kumpulan yang dikenali sebagai Laskar Jihad dikatakan turut dianggotai gerila Taliban manakala sebuah lagi pertubuhan dilaporkan mengancam menyerang kepentingan AS.

Beberapa anggota Al-Qaeda pernah berada di Malaysia termasuk salah seorang yang dilaporkan terlibat dengan serangan 11 Sept lalu iaitu Khalid Al-Midhar yang telah dirakam menerusi video intipan sedang mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur pada Januari 2000.

Presiden George W. Bush dijadual membincangkan mengenai kempen menentang pengganas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta presiden Filipina dan Indonesia semasa mesyuarat Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Shanghai pada 11 Okt ini.

-- BERNAMA

SH HK MOZ